

# EKSPLORASI DAN SINERGI VISUAL DALAM KOREOGRAFI TARI DI KUALA LUMPUR

*EXPLORATION AND VISUAL SYNERGY  
IN DANCE CHOREOGRAPHY IN KUALA LUMPUR*

Muhammad SAMSUDIN<sup>\*1</sup>  
Mohd. Effindi SAMSUDDIN<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia  
swmamadz@gmail.com  
effindi@um.edu.my

Corresponding author\*

Received: 8<sup>th</sup> December 2023

Accepted: 20<sup>th</sup> May 2024

## ABSTRAK

Kajian kualitatif ini mengeksplorasi proses kreatif antara koreografer dan seniman multimedia dalam menciptakan elemen koreografi yang mempunyai projeksi visual. Fokus penulisan ialah pada aspek motivasi koreografer dalam menghasilkan projeksi visual di dalam koreografi. Kajian ini melibatkan tiga produksi koreografi di Kuala Lumpur yang menggabungkan tari dan projeksi visual. Data dikumpulkan melalui temu bual dengan empat koreografer dan tiga seniman multimedia, serta pemerhatian dan penelitian dokumen. Penulisan ini mengadaptasi teori proses kreatif dan sinergi koreografi dan visual dalam menganalisis proses kreatif eksplorasi koreografi terbaru yang ditampilkan di Malaysia. Penulisan ini mengemukakan hasil dapatan yang menghubungkait dan menghuraikan corak proses pemikiran kreatif yang dirangkakan dalam karya koreografi terkini.

**Kata kunci :** koreografi; eksplorasi; proses kreatif; imejan; projeksi visual; sinergi

## ABSTRACT

This qualitative study explores the exploratory process between choreographers and multimedia artists in creating choreography with visual projection elements. The focus of the writing is on the choreographer's motivational aspect in producing visual projections in choreography. This study involves three choreographic productions in Kuala Lumpur that combine dance and visual performances. Data was collected through interviews with four choreographers and three multimedia artists, as well as observation and document research. This writing adapts the theory of the creative process and choreography and visual synergy in analyzing the creative process of the latest choreographic exploration featured in Malaysia. This writing presents relevant findings and explains the patterns of creative thought processes outlined in recent choreographic works.

**Keywords:** choreography; exploration; creative process; imagery; visual projection; synergy

## Pengenalan

Koreografi merupakan struktur gerak yang direka dan dibina melalui pelbagai proses. Koreografi juga memperlihatkan kemungkinan yang boleh diungkapkan melalui bentuknya yang mempunyai permulaan, pertengahan, dan pengakhiran. Pelbagai sumber boleh menjadi titik permulaan untuk menghasilkan koreografi seperti pengalaman koreografer, muzik, drama, cerita legenda, sejarah, psikologi, literatur, ritual, cerita rakyat, keadaan sosial, dan fantasi. Idea-idea abstrak seperti garisan, warna, bentuk, dinamik, dan irama juga boleh menjadi asas permulaan (Humphrey, 1959). Ilham dan inspirasi merupakan titik permulaan bagi koreografer. Gonzales (2019) menjelaskan 15 titik permulaan yang sering digunakan dalam tari kontemporari di Malaysia yang serupa dengan penjelasan Humphrey (1959) dan Gonzales menambahkan sumber-sumber lain seperti objek, teknik tari, isu-isu wanita, koreografi tapak atau lingkungan, visual, multimedia, dan kolaborasi.

Teknologi menjadi elemen spektakular dalam koreografi dan pencahayaan adalah salah satu teknologi tertua yang digunakan dalam persembahan. Pada masa kini, teknologi digunakan secara meluas untuk proses kreatif dan dokumentasi gerakan melalui rakaman video. Cook (2006) menyatakan bahawa teknologi video telah menjadi elemen penting dalam dunia tarian masa kini. Teknologi ini membolehkan koreografer merakam proses kreatif mereka untuk penyelidikan dan hasil akhir karya mereka. Penari juga dapat mempelajari koreografi yang pernah dipentaskan pada masa lalu, dan sejarah tarian akan berbeza tanpa adanya persembahan dan dokumentasi mengenai seniman-seniman abad ke-20 (p.33).

Selain digunakan untuk tujuan dokumentasi, teknologi video juga dapat disertakan dalam persembahan sebagai alat naratif atau sebagai elemen rekaan persembahan. Salah satu teknik yang melibatkan video dalam persembahan adalah dengan memprojeksikan video ke pentas, panggung, penari, atau kostum. Teknologi ini dapat menambahkan suasana dan perspektif baru dalam ruang persembahan, serta membolehkan pengkarya bereksperimen dengan penggunaan video sebagai kanvas. Dengan demikian, teknologi video membuka dimensi baru dalam persembahan dan menambah lapisan ke dalam ruang tersebut.

## Latar Belakang

Teknologi memberi alat baharu kepada pengkarya untuk ekspresi seni yang baharu (Coniglio, 2006, p.80). Asal-usul seni media baharu boleh ditelusuri pada abad ke-19 dengan gambar bergerak dan berkembang menjadi seni komputer, seni web, animasi, dan banyak lagi (New Media Art Practice and Technology, 2016). Salah seorang perintis dunia tari yang paling terkenal dengan penglibatan teknologi sebagai perincian penting dalam karyanya adalah Loie Fuller dan Alwin Nikolais. Loie Fuller menggunakan filem yang diprojeksikan pada jubahnya dalam persembahan teater pada tahun 1911 (Dixon, 2007, p.10). Koreografer dan komposer Alwin Nikolais sering bereksperimentasi dengan idea abstraknya mengenai seni, tubuh badan, dan pergerakan. Koreografi Nikolais tahun 1950-an memperkenalkan tari ke era teater multimedia moden.

Merce Cunningham adalah salah seorang koreografer terkenal yang bereksperiment dengan pergerakan dan teknologi baharu dalam karya-karya beliau pada pertengahan abad ke-20. Menurut Dixon (2007) dalam koreografi Biped, yang dihasilkan dengan kerjasama antara Merce Cunningham, Paul Kaiser, dan Shelley Eshkar menggunakan teknik *motion-capture* untuk memetakan secara tiga dimensi pergerakan penari dalam urutan pergerakan Cunningham dalam studio (p. 88). Setelah manipulasi komputer pada data, mereka

menghasilkan animasi gambar yang disertakan dalam bentuk koreografi. Dixon membahaskan bahawa selama beberapa dekad terakhir abad ke-20, teknologi komputer memainkan peranan yang dinamik dan semakin penting dalam teater, tarian dan persembahan secara langsung. Oleh itu, bentuk dan genre persembahan ini membuka prestasi baharu yang dramatik.

Gonzales (2019) membincangkan kolaborator dari pelbagai disiplin yang berbeza mampu memperkembangkan seni persembahan namun ia masih tidak di eksplorasi oleh aktivis seni di Malaysia. Biasanya produk seni ini rumit untuk dipentaskan oleh kerana keperluan teknikal seperti projektor, faktor bajet dan masa yang diperlukan serta penghasilnya mungkin berbentuk abstrak atau susah difahami (p. 136). Atas kesedaran tentang perkembangan teknologi dalam persembahan tari, pada tahun 2010 subjek ‘Tari dan Multimedia’ telah menjadi satu subjek wajib kepada pelajar pengkhususan koreografi di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Organisasi Kaki Seni yang menganjurkan BOH Cameronian Arts Awards telah mewujudkan anugerah Rekaan Multimedia Terbaik (*Best Multimedia Design*) untuk kategori tari pada tahun 2019 bersempena penganjuran yang ke-16 berdasarkan perkembangan penggunaan teknologi dan multimedia dalam persembahan tari. Ini menunjukkan bahawa elemen teknologi dan multimedia sudah mendapat perhatian koreografer dan aktivis seni di Malaysia. Pada tahun 2019, KongsiKL yang merupakan sebuah gudang atau ruang yang digunakan untuk memberi peluang kepada penggiat seni sekitar Lembah Klang mempersembahkan karya mereka secara kolaboratif. Siri persembahan yang dikenali sebagai Seni Tiga adalah siri persembahan yang berbentuk multidisiplin yang dianjurkan oleh Kongsi Petak.

### **Penyataan Masalah**

Gonzales (2004) menyatakan tindakan bijak menyelaraskan teknologi dengan seni koreografi, sebuah langkah yang jarang ditemui di dunia seni koreografi barat. Beliau juga menambahkan tentang pentingnya menggabungkan elemen visual atau teknologi dalam gaya tari, yang tidak begitu banyak dijelajahi di barat. Penggunaan elemen visual atau teknologi ini telah membuka peluang baru untuk mencipta bentuk koreografi yang sangat menarik, dengan interaksi yang kuat antara penari dan elemen visual, memberikan impak yang sangat dinamik dan berkesan (Gonzales, 2019, p.136).

Eksplorasi dan penerokaan terhadap penggabungan ini menjadi asas untuk memahami potensi sinergi yang dapat dihasilkan melalui pendekatan sinergi antara dua atau lebih unsur seni. Dalam karya koreografi, pemilihan elemen visual atau teknologi dan bagaimana ia diintegrasikan dengan pergerakan tari akan menjadi fokus utama kajian ini. Tanpa pemahaman yang mendalam mengenai cara memanfaatkan teknologi ini secara maksimum, potensi kreatif yang sebenar mungkin tidak dapat direalisasikan. Kajian ini menjadi ruang untuk mengeksplorasi dan memahami potensi sinergi antara tarian dan projeksi visual dalam mencipta bentuk koreografi yang mempunyai daya tarikan dan kualiti yang unik.

Artikel oleh Scheffel dan Arnold (2017) menekankan tentang keperluan untuk lebih mendalam dalam penerokaan bidang ini. Integrasi tarian dan video membuka banyak kemungkinan kreatif dan komunikatif yang baru. Ia membolehkan seniman untuk memanipulasi masa dan ruang, mencipta ilusi, dan menyatukan elemen-elemen multimedia secara menyeluruh. Kajian ini, seiring dengan pemikiran dari artikel tersebut, mencerminkan

kepentingan dalam menyelidiki dan merealisasikan potensi sepenuhnya produksi multimedia dalam seni tari kontemporari.

### **Persoalan dan Objektif Kajian**

Persoalan kajian ini melihat kepentingan pengkajian yang bertumpu kepada proses penghasilan, penilaian koreografi dan perhubungan elemen yang terkandung di dalam koreografi dan bagaimana bentuk penghasilan aspek imejan komposisi tari dan visual yang dilakukan dalam proses kreatif koreografi. Setiap karya seni mengalami proses yang berbeza-beza dalam penghasilan sesebuah karya. Kajian ini dapat memahami penglibatan elemen visual dalam koreografi yang dikaji melalui pemerhatian proses kreatif. Proses kreatif yang baik diperolehi daripada hasil karya yang mempunyai perhubungan antara tari dan projeksi visual. Reka bentuk kajian ini tertumpu kepada menghubung kait pembentukan komposisi tari dengan imejan visual dari tiga karya sebagai sebuah koreografi.

### **Skop dan Limitasi Kajian**

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang memfokuskan kepada koreografi yang menggunakan gabungan elemen imejan pergerakan penari di atas pentas yang seiring dengan imejan projeksi visual sebagai satu bentuk koreografi. Kajian ini juga memperlihatkan keutamaan proses kerja kreatif empat koreografer dalam menghasilkan koreografi yang melibatkan projeksi visual. Proses interaksi dilihat dalam aspek antara penari dan projeksi visual yang dipancarkan sebagai imejan secara keseluruhan. Pemilihan tiga buah karya kajian tertumpu kepada, (1) hasil karya pelajar ASWARA, (2) hasil karya oleh pensyarah ASWARA yang menghasilkan koreografi bagi sebuah syarikat tari di bawah organisasi The Temple of Fine Arts (TFA) yang dikenali sebagai Inner Space Dance dan (3) hasil karya salah satu persembahan yang dipentaskan dalam siri persembahan Seni Tiga anjuran Kongsi Petak.

Skop kajian melibatkan empat koreografer bersama tiga karya yang terpilih menerusi perincian seperti berikut:

- 1) Antara Realiti II karya Sufi Asyraf dan Fauzi Amiruddin sempena Persembahan Gelombang Baharu 2013 di ASWARA pada tahun 2013 di Panggung Eksperimen, ASWARA.
- 2) Chain Reaction karya Ng XinYing sempena Siri Persembahan Syarikat Tari Inner Space pada tahun 2018 di Shantanand Auditorium, TFA.
- 3) As We Go Along oleh Liu Yong Sean sempena Siri Persembahan Seni Tiga ke-7 pada tahun 2019 di KongsiKL.

### **Tinjauan Literatur**

Butterworth (2012) dalam penulisannya *Dance Studies: The Basics* telah mengutarakan susunan proses kreatif dalam tujuh peringkat tetapi berbeza bagi setiap koreografer. Tujuan penulisan buku ini adalah memberi bimbingan kepada tenaga pengajar dalam membentuk subjek bidang koreografi. Walaubagaimanapun penulisan ini dapat digunakan dalam melihat penghasilan sesebuah koreografi.

### **(1) Peringkat pertama: Rangsangan, konsep dan niat**

Peringkat yang bermula luar dari proses penciptaan dalam studio. Banyak persoalan yang sering bermain di pemikiran seseorang koreografer yang memberi rangsangan dan seterusnya mampu membentuk idea yang bakal digunakan. Butterworth (2012) menyatakan semua ini berlaku dalam imaginasi koreografer tetapi secara beransur-ansur tujuan, niat dan konsep yang kuat mulai terwujud. (p.37). Semua idea ini memberikan titik permulaan, rasional untuk menghasilkan tarian, gaya pergerakan, tema dan naratif.

### **(2) Peringkat kedua: Kandungan tari**

Menurut Butterworth (2012) bagi kebanyakan koreografer menggunakan teknik *chance* dan improvisasi. Teknik *chance* adalah teknik ciptaan Cunningham yang seringkali digunakan sebagai alat koreografi. Improvisasi tarian ialah proses menghasilkan pergerakan secara spontan. Perkembangan bahan pergerakan melalui pelbagai eksplorasi kreatif melalui tubuh badan, tahap, bentuk dan skema dinamik. Koreografer dan penari mungkin berimprovisasi dan bereksperimen di studio untuk mencari gerakan bagi mengekspresikan imej penari yang tampaknya relevan dengan idea untuk tari dan yang berpotensi untuk dikembangkan (Butterworth, 2012, p.44).

### **(3) Peringkat Ketiga: Proses dan Kaedah**

Butterworth (2012) mencadangkan satu model hubungan (Rujuk Jadual 1.1) yang dapat membantu koreografer dan penari dalam mengenal pasti pilihan peribadi mereka, mengenali keperluan khusus penglibatan dalam penerapan kemahiran koreografi dan mengubahsuai proses latihan untuk mempertimbangkan keperluan individu yang terlibat. Model Proses Didaktik dan Demokratik Butterworth ini mengenal pasti lima proses artistik sosial yang berbeza yang dapat digunakan di studio tarian semasa menghasilkan koreografi tertentu atau dalam pembelajaran mengenai koreografi. Model ini membantu individu yang terlibat dalam tari untuk mengenal pasti pilihan peribadi mereka, mengenali keperluan khusus penari atau peserta dalam pengaplikasian koreografi, dan mengubahsuai proses latihan dengan lebih mendalam bagi pemahaman tentang pengaruh faktor kontekstual dalam proses koreografi (Butterworth dan Wildschut, 2018, pp.369-370).

#### **Jadual 1.1**

*Model Proses Didaktik dan Demokratik Butterworth*

Proses 1	Proses 2	Proses 3	Proses 4	Proses 5
<b>Peranan Koreografer</b>				
Pakar	Pengarang	Pemandu	Fasilitator	Pemilik Bersama
Peranan Penari				
Instrumen	Penterjemah	Penyumbang	Pencipta	Pemilik Bersama

#### **(4) Peringkat Keempat: Pengembangan Kandungan Tari**

Peringkat ini mengkaji eksplorasi dan manipulasi pergerakan dari peringkat kedua secara artistik, serta pembentukan motif pergerakan. Motif tarian perlu diulang dan dikembangkan melalui variasi untuk menghindari kesan yang mendatar. Motif tarian adalah dasar dalam pembuatan tarian, dengan pergerakan kecil diubah melalui pertukaran tahap, arah, bentuk, dan tempo untuk menciptakan variasi. Butterworth (2012) juga mencatat lima idea olahan pada motif melalui aspek-aspek seperti aksi tubuh, dinamik tubuh, ruang, hubungan penari, dan hubungan dengan muzik.

#### **(5) Peringkat Kelima: Penstrukturkan dan Pembentukan Tari**

Peringkat ini adalah tahap keseluruhan dalam mencipta koreografi. Di sini, setiap motif dan komposisi digabungkan dalam struktur koreografi yang dipilih oleh koreografer. Struktur ini dapat bervariasi sesuai dengan kehendak koreografer. Sebagai contoh, struktur naratif dengan elemen permulaan, pertengahan, klimaks, dan pengakhiran dapat digunakan. Muzik juga memainkan peran penting dalam membentuk struktur tarian dengan mengikuti dinamik lagu dan komposisinya. Koreografi ini juga dapat dihadirkan dan diulang dengan variasi, tetapi tetap mempertahankan tema asalnya.

#### **(6) Peringkat Keenam: Latihan dan Penyempurnaan Tari**

Merupakan peringkat terakhir dalam penghasilan tari. Selesai segala gerakan ditetapkan elemen-elemen lain yang menyokong, mula dimasukkan seperti pencahayaan. Pada ketika ini koreografi mula mengambil tempat diruang persembahan. Pada asasnya, koreografer harus melalui proses penciptaan tari sendiri dan memastikan kesesuaian semua elemen koreografi yang dipilih. Pada masa yang sama koreografer perlu melatih semula karya secara terperinci agar penari mempunyai pemahaman yang jelas mengenai tafsiran dan yakin dengan prestasi koreografi.

#### **(7) Peringkat Ketujuh: Penilaian dan Refleksi**

Refleksi yang melibatkan tiga elemen: perancangan, proses serta produk ketika sebelum, semasa dan selepas setiap elemen. Penilaian dan refleksi ini dapat dicatat secara tertulis, misalnya dalam bentuk diari, catatan, atau jurnal, sehingga koreografer dapat memeriksanya kembali pada setiap tahap. Proses respons kritikal, yang dijelaskan oleh Liz Lerman, adalah panduan yang berguna untuk memberikan dan menerima kritik konstruktif terhadap koreografi. Seperti yang disebutkan oleh Butterworth (2012), proses ini mendorong pemahaman yang lebih dalam terhadap tarian dan memungkinkan ekspresi penuh dalam pengamatan dan pilihan estetik. Hal ini dapat membantu mengatasi masalah dan mengurangi ketegangan dalam proses memberi dan menerima kritik terhadap koreografi.

Timbrell (2011) dalam penulisannya menggariskan tiga hubungan sinergi antara tari dan projeksi visual, menekankan pentingnya kolaborasi ini dalam menyampaikan konsep koreografi. Hubungan yang pertama, Efek Pemula Penari: Penari dianggap sebagai penyebab efek visual. Tindakan penari mulai interaksi dengan gambaran visual, mengubah konteksnya. Sebagai contoh, penari yang menyentuh layar memacu pergerakan gambaran.

Hubungan yang kedua, Respons Penari terhadap Projeksi Visual: Penari terlibat secara emosi dan fizik dengan gambaran visual, menciptakan reaksi yang bisa bersifat literal atau abstrak. Penting untuk menentukan respons penari agar penonton dapat merasakan hubungan antara keduanya. Hubungan yang ketiga, Hubungan yang Dipersepsikan oleh Penonton: Ini melibatkan penonton melihat hubungan antara gambaran visual dan tubuh penari, menciptakan lapisan tambahan dalam koreografi. Penyatuan gambaran dua dimensi dengan tubuh tiga dimensi menciptakan pemahaman makna yang mendalam bagi penonton. Kolaborasi ini menciptakan ilusi yang membingungkan, menggabungkan realisme dan abstrak dengan cemerlang, yang tetap dapat difahami oleh penonton.

### Kaedah Penyelidikan

Data yang diperolehi menerusi kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan analisis dokumen yang berkaitan. Soalan-soalan yang diajukan ketika temu bual dijalankan terbahagi kepada soalan berstruktur dan soalan tidak berstruktur. Bagi soalan berstruktur pengkaji mengajukan kepada informan mengikut gerak kerja yang dikenal pasti dan juga soalan berstruktur umum. Kajian melakukan pemerhatian tidak berpartisipasi dengan menonton rakaman video setiap kajian kes yang dipilih. Rakaman video tidak tertumpu kepada video persembahan utama sahaja, pengkaji juga melakukan pemerhatian terhadap video sesi latihan dan persembahan susulan yang diperolehi dari informan dan pihak penganjur persembahan.

### Eksplorasi

Eksplorasi menghasilkan pergerakan dalam sesebuah koreografi merupakan proses terpenting untuk membentuk koreografi. Eksplorasi tari berlaku apabila koreografer mahu menghasilkan gerak baharu atau gerakan yang akan membentuk komposisi yang bersesuaian dengan tema dan konsep yang ditetapkan. Butterworth (2012) menyatakan mengenai Kandungan Tari sebagai salah satu peringkat dalam proses kreatif koreografi. Berdasarkan data yang diperolehi dari soalan temu bual pengkaji mendapat terdapat dua corak penting dalam eksplorasi yang dilakukan oleh koreografer iaitu gambaran awal dan kembangan komposisi.

#### Rajah 1.1


Proses Kreatif Butterworth Dalam Analisis Eksplorasi



Pengaplikasian Proses Kreatif Butterworth dalam menganalisis eksplorasi yang telah dilakukan oleh pengkaji. Pada Peringkat Kedua Proses Kreatif Butterworth iaitu Kandungan Tari di aplikasi pada bahagian gambaran awal dan Proses Kreatif Peringkat Keempat iaitu Memperkembangkan Kandungan Tari di aplikasi pada bahagian kembangan komposisi. Kandungan sesebuah komposisi tari ditetapkan oleh koreografer sebelum ia diperkembangkan.

### Rajah 1.2


*Gambaran Awal Pergerakan*



Butterworth (2012) menerangkan Peringkat Kedua Proses Kreatif koreografi terbentuk dari idea hasil rangsangan dan pemikiran yang dilakukan oleh koreografer. Gambaran awal atau inspirasi awal pergerakan dilakukan untuk mengolah pergerakan. Melalui data yang diperolehi dari kumpulan responden yang dikaji, terdapat dua gambaran awal komposisi dikenal pasti iaitu berbentuk visual dan verbal (Rajah 1.2). Gambaran awal verbal terbentuk dari kata-kata, manakala gambaran awal visual berbentuk seperti gambar, arca, objek, corak, bentuk, dan lain-lain. Bagi analisis kajian ini gambaran awal visual merujuk kepada papan cerita serta imej projeksi manakala gambaran awal verbal merujuk kepada tema yang dipilih dan perbincangan.

### Rajah 1.3

*Contoh six frame storyboard*



Gambaran awal visual dikenal pasti melalui kumpulan responden Antara Realiti II. Melalui temu bual bersama Sufi Asyraf (Jun 1, 2021) dan Fauzi Amirudin (Jun 2, 2021) memberitahu mereka membentuk imej yang mahu dihasilkan oleh artis multimedia tanpa memikirkan tema dan konsep keseluruhan melalui papan cerita. Papan cerita tersebut dihasilkan oleh koreografer dengan menggunakan *six frame storyboard* yang diperkenalkan oleh artis multimedia semasa proses pembelajaran kelas. Papan cerita dihasilkan tanpa bayangan koreografi atau komposisi tari. Koreografer mula menghasilkan gerak apabila video multimedia draf pertama disiapkan oleh artis multimedia berdasarkan papan cerita yang diberikan. Koreografer Fauzi Amirudin menyatakan beliau dan Sufi Asyraf bekerja secara berasingan untuk menghasilkan papan cerita dan apabila video multimedia disiapkan kedua-dua hasil dan konsep kelihatan mempunyai persamaan. Perkara ini disebabkan artis multimedia menggunakan konsep yang sama pada kedua-dua video iaitu rekaan tidak berwarna dan menggunakan bentuk geometri.

Gambaran awal dalam bentuk visual juga digunakan oleh Liu Yong Sean dalam membentuk komposisi As We Go Along. Liu Yong Sean (Julai 7 2021) memberitahu melalui sesi latihan bersama projeksi, semua kolaborator cuba menggabungkan setiap bahagian dalam struktur persempahanan ketika visual terbentuk dari imej projeksi yang telah siap yang digunakan semasa latihan. Gambaran awal eksplorasi tari diperolehi melalui verbal dengan memilih perkataan yang sinonim atau berkaitan dengan tema dan konsep. Perkara ini dapat dilihat pada karya Chain Reaction dan As We Go Along, koreografer memulakan eksplorasi dengan tema. Ng Xinying (Jun 24, 2021) dilakukan eksplorasi dengan niat untuk memperlihatkan tema dan konsep iaitu aksi dan reaksi. Manakala dengan Liu Yong Sean mengambil hasil perbincangan dengan kolaborator yang lain dan cuba membentuk situasi dan konsep koreografi sendiri. Berdasarkan tema yang ditetapkan Yong Sean mengambil ideologi Buddhisme tentang lapan saat kematian untuk memperolehi struktur koreografi yang mahu dibentuk. Beliau merasakan ideologi ini sama dengan tema yang Siew Pin (berubah-ubah).

Gambaran awal ini berupaya untuk merangsang imaginasi koreografer dalam penghasilan komposisi tari. Menurut Minton (2018) proses kreatif koreografi bermula dengan koreografer melakukan perhatian terhadap inspirasi kemudiannya mula respons kepada inspirasi. Perkara yang sama dilalui oleh keempat-empat koreografer tentang gambaran awal eksplorasi. Minton juga menyatakan respons yang dilakukan oleh koreografer digabungkan bersama dengan memori dan imaginasi sebelum gerakan disusun dalam komposisi kecil dan digabung menjadi satu komponen besar yang dikenali sebagai koreografi. Gambaran awal ini membantu koreografer dalam memahami motivasi yang memandunya dalam memperkembangkan pergerakan dalam sesebuah koreografi.

Setelah gambaran awal diperolehi oleh koreografer, proses memperkembangkan komposisi mula dilakukan. Bagi memperlihatkan proses ini, pengaplikasian peringkat keempat proses kreatif Butterworth memberi tumpuan kepada perkara yang dilakukan secara artistik dengan pergerakan yang dipilih. Pada peringkat ini, proses koreografi melibatkan perkembangan dan manipulasi bahan serta inspirasi yang dicipta dalam peringkat kedua. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati informan koreografer memperkembangkan komposisi berdasarkan dua perkara imej projeksi dan alatan.

**Rajah 1.4**  
*Eksplorasi Memperkembangkan Komposisi*



Imej projeksi merujuk kepada video yang telah disiapkan dan digunakan oleh artis multimedia ketika persembahan yang bertindak balas dengan pergerakan penari secara langsung (*realtime*). Menurut Sufi Asyraf (Jun 1, 2021) dan Fauzi Amirudin (Jun 2, 2021) menyatakan pergerakan yang dihasilkan oleh mereka berdasarkan video yang telah disiapkan. Pergerakan yang hasilkan oleh mereka pula tidak dilakukan secara mendalam hanya sekadar untuk memastikan pergerakan yang dihasilkan relevan atau mempunyai perhubungan dengan antara visual dan pergerakan. Fauzi menambah bahawa aksi dan reaksi itu adalah penting antara penari kerana jika perkara ini tidak seiring hubungannya akan kelihatan janggal. Informan kumpulan responden Antara Realiti II memberitahu berlaku sebuah proses pengadaptasian antara imej komposisi dan imej projeksi. Sufi menerangkan imej komposisi tari lebih mudah diubah dalam durasi masa yang singkat kebanyakan masa koreografer menukar gerak supaya bersesuaian dengan imej projeksi walaupun terdapat kesalahan pada video yang telah disiapkan. Ini kerana untuk melakukan pembetulan pada video akan memakan masa yang lama untuk proses *render* video tersebut.

Proses perkembangan komposisi yang dijalankan oleh Ng XinYing dalam karya Chain Reaction didahului dengan membentuk pola lantai objek-objek yang bergerak dalam video multimedia. Pola lantai tersebut menjadi satu panduan dan arahan kepada penari ketika proses latihan. Seterusnya beliau melakukan eksplorasi dengan penari dengan memberi arahan tentang pola lantai pergerakan penari yang seperti mengejar objek dipancarkan. Dari arahan tersebut, beliau menetapkan pergerakan yang perlu dilakukan oleh setiap penari.

Eksplorasi yang dilakukan oleh koreografer dalam karya As We Go Along adalah dengan menetapkan konsep improvisasi pada setiap bahagian dalam struktur persembahan. Perkara ini dapat membantu beliau menghasilkan pergerakan yang berbeza-beza bagi setiap bahagian dan juga menghasilkan pergerakan yang bersesuaian dengan setiap bahagian. Menurut Liu Yong Sean (Julai 7 2021) imej projeksi banyak mempengaruhi pergerakan. Melalui hasil temubual ini terbukti bahawa dalam sesebuah koreografi yang melibatkan imej projeksi, ia merupakan panduan terpenting dalam perkembangan komposisi tari. Koreografer perlu berpandukan video tersebut dalam mencari dan menetapkan gerakan.

Perkara kedua dalam Memperkembangkan Kandungan Tari melalui data kumpulan responden adalah alatan. Ketiga-tiga karya mempunyai bahagian interaktif bersama alatan di dalam struktur koreografi. Jadual 4.64 memaparkan bilangan bahagian interaktif dalam sesebuah karya serta minit bahagian tersebut. Karya Antara Realiti II mempunyai dua bahagian interaktif, karya Chain Reaction mempunyai satu manakala karya As We Go along

mempunyai empat bahagian interaktif. Bahagian interaktif ini melibatkan dua bentuk alatan iaitu kamera sensor dan sensor bunyi.

### Jadual 1.2

#### *Bahagian Interaktif dalam Tiga Karya*


ANTARA REALITI II	
BAHAGIAN	MINIT
Garisan	00:00 – 01:41
Duet	007:43 – 10:03
CHAIN REACTION	
BAHAGIAN	MINIT
Solo	12:29 - 13: 56
AS WE GO ALONG	
BAHAGIAN	MINIT
Motion	12:02 – 14:05
Plastik	20:53 – 25:26
Typo 5	25:27 – 29:47
Typo 6	32:43 – 38:46

Keempat-empat koreografer menyatakan bahawa sesi eksplorasi bersama alatan berlaku ketika penglibatan artis multimedia. Koreografer menjalankan eksplorasi dengan melakukan improvisasi dengan bahan sensor dan melihat hasil imej yang dihasilkan dari eksplorasi tersebut. Kemudiannya, koreografer menetapkan imej-imej yang mahu dilakukan dan bersesuaian dengan tema secara tetap ke dalam koreografi. Alatan sensor yang digunakan juga memberi efek terhadap imej yang dibentuk secara langsung (*realtime*). Hasil improvisasi bersama alatan memberi makna kepada koreografi dalam tema dan konsep yang cuba disampaikan.

Sufi Asyraf (Jun 1, 2021) menyatakan penggunaan alatan seperti Xbox Kinect dalam latihan membantu koreografer menetapkan pergerakan dan melakukan pelbagai eksplorasi yang bersesuaian. Fauzi Amirudin (Jun 2, 2021) menambah bahawa cadangan alatan tersebut merupakan idea artis multimedia dan merupakan cadangan yang sangat efektif dalam memperkembangkan koreografi. Perkara tentang eksplorasi bersama alatan ketika latihan membantu menetapkan komposisi dijelaskan oleh Liu Yong Sean (Julai 7 2021) pada bahagian ke-10 dalam struktur koreografi, Typo 6 (Gambar 1.1) terhasil daripada proses improvisasi bersama alatan. Secara nyata kelihatan dua susuk tumbuhan yang sedang berinteraksi antara satu sama lain.

**Gambar 1.1**

Bahagian Typo 6



Manakala Ng XinYing (Jun 24, 2021) menyatakan koreografi bahagian solo bersama kamera dan efek *delay* (Gambar 1.2) memaksa beliau untuk sentiasa bergerak bagi menampak keberkesanan efek terhadap imej projeksi, sekali menggunakan efek ini menggambarkan tema dan konsep karyanya

**Gambar 1.2**

Bahagian Solo Chain Reaction




**Perhubungan Sinergi**

Penggunaan projeksi mampu menghadirkan banyak bentuk pementasan dan kemungkinan baharu apabila digunakan bersama dalam sesebuah koreografi. Walau bagaimanapun pergabungan ini juga boleh menjadi terhad bergantung kepada proses kreatif penglibatan keduanya. Imej projeksi yang bergabung bersama imej tari membentuk sebuah imejan mempunyai berhubungan yang baik bergantung sepenuhnya kepada kedua-dua medium dalam satu bentuk yang bersepadu. Untuk mengenal pasti sinergi antara kedua imej ini, adalah penting untuk memahami cara projeksi dan tari berfungsi bersama untuk mencipta imej secara keseluruhan.

Pengaplikasian teori sinergi projeksi oleh Timbrell (2011) digunakan pakai bagi melihat bagaimana interaksi antara imej tari dan projeksi diadakan. Identifikasi tentang interaksi dilihat melalui Hubungan sinergi pertama dan kedua Timbrell. Hubungan yang pertama, menerangkan hubungan Efek pemula dari penari. Interaksi ini melihat tindakan penari yang memberi pemaknaan kepada imej projeksi. Pergerakan dari komposisi tari dilihat memberi konteks yang berbeza kepada imej projeksi apabila seiringan. Efek pemula merujuk kepada imej tari yang dihasilkan oleh koreografer. Hubungan kedua, memfokuskan kepada kesan respons penari yang didorong oleh imej projeksi. Imej projeksi memberi impak kepada komposisi dan mampu menghasilkan perhubungan dua hala. Kedua-dua perhubungan yang dinyatakan adalah berbentuk aksi dan reaksi. Hubungan pertama penari sebagai aksi dan projeksi sebagai reaksi manakala hubungan kedua projeksi sebagai aksi dan penari sebagai reaksi.

Pengkaji melakukan penambahan sebuah lagi perhubungan yang dikenal pasti iaitu imitasi visual terhadap imej tari. Ini adalah disebabkan ketiga-tiga koreografer kumpulan responden melakukan proses penghasilan video projeksi dahulu dan melakukan pembentukan komposisi tari selepas video disiapkan. Mereka menghasilkan komposisi selepas video disiapkan. Oleh itu, pengkaji yakin dengan pemerhatian yang dijalankan bahawa terdapat momen dalam imej projeksi yang memberi inspirasi kepada koreografer ketika persesembahan.

**Rajah 1.5**  
*Ilustrasi Analisis dan Sintesis Perhubungan Sinergi*



Hasil dapatan bagi yang melibatkan sinergi diuraikan melalui aspek interaksi. Pengaplikasian teori sinergi projeksi oleh Timbrell (2011) digunakan pakai bagi melihat bagaimana interaksi antara imej tari dan projeksi diadakan. Pengkaji mendapati perhubungan yang dinyatakan oleh Timbrell dapat dikesan dalam ketiga-tiga kumpulan responden tetapi dengan bilang berhubungan yang berbeza-beza. Bilangan perhubungan memberi gambaran kepada pengkaji tentang fokus koreografer dalam penghasilan koreografi adakah menitikberatkan tentang perhubungan antara komposisi tari dan projeksi visual atau sekadar hanya menzahirkan dua elemen ini dalam ruang dan masa yang masa.

Analisis interaksi ini melibat gabungan imej tari dan imej projeksi secara sinergi yang membentuk sebuah imejan. Imejan bermaksud penggunaan beberapa imej yang terhimpun dalam sesebuah imej. Analisis dilakukan mengikut karya kumpulan responden bagi melihat bentuk corak sinergi dalam sesebuah karya. Secara keseluruhannya, karya Antara Realiti II

mempunyai 13 imejan yang melibatkan tujuh hubungan sinergi pertama, lapan hubungan sinergi kedua dan tiga hubungan sinergi ketiga. Manakala karya Chain Reaction hanya mempunyai tiga imejan yang melibatkan dua hubungan sinergi pertama dan satu hubungan sinergi kedua. Karya As We Go Along pula melibatkan enam imejan secara keseluruhan yang melibatkan tiga hubungan sinergi pertama dan tiga hubungan sinergi yang ketiga.

Pengkaji melihat bahawa durasi sesebuah karya tidak mempengaruhi bilangan hubungan yang terbentuk tetapi ia bergantung kepada usaha koreografer dalam mengembangkan komposisi tari dan projeksi visual secara sinergi. Melalui karya Chain Reaction dan As We Go Along, koreografer tidak melakukan banyak perhubungan antara komposisi tari dan projeksi. Koreografer hanya menggunakan hubungan sinergi yang terbentuk dan mencari kepelbagaiannya variasi. Ini mungkin disebabkan koreografer hanya tertumpu kepada penghasil gerakan dan pergerakan yang bersesuaian dengan projeksi tanpa memikirkan secara mendalam tentang perhubungan tersebut.

Perkara ini berkaitan dengan soalan temu bual yang diajukan kepada koreografer tentang bagaimana pergerakan dihasilkan dan diperkembangkan, Ng XinYing (Jun 24, 2021) koreografer Chain Reaction menjelaskan tentang pergerakan yang dihasilkan semata-mata untuk memperlihatkan tema yang dipilih oleh dan penggunaan multimedia adalah memberi variasi kepada tema yang beliau bawakan. Begitu juga koreografer As We Go Along, Liu Yong Sean (Julai 7, 2021) yang telah menghasilkan satu konsep improvisasi yang beliau lakukan semasa dan ketika persembahan yang mempunyai persamaan dengan konsep dan tema tetapi tidak mempunyai perhubungan yang jelas antara komposisi tari yang dilakukan dengan projeksi visual yang dihasilkan oleh artis multimedia. Penyertaan Yong Sean yang agak lewat di dalam projek ini menurut temu bual Ejin Sha (Julai 11, 2021). Kelewatan ini mungkin penyebab koreografer kurang masa untuk mencari perhubungan sinergi yang lebih baik.

Ketiga-tiga kumpulan responden melakukan bentuk perhubungan sinergi berdasarkan konsep aksi dan reaksi. Fauzi Amirudin (Jun 2, 2021) yang menyatakan beliau memikirkan perhubungan sinergi berdasarkan konsep aksi dan reaksi. Aksi dan reaksi antara imej tari dan imej projeksi. Beliau menambah bahawa perhubungan ini tidak semestinya berbentuk literal tetapi mampu juga dilakukan dalam bentuk yang abstrak. Jazmi Jamal (Jun 25, 2021) bertindak menyatakan bahawa aksi dan reaksi ini merupakan satu bentuk simulasi virtual yang wujud dalam persekitaran artis multimedia. Perkara ini penting untuk mewujudkan harmoni dalam persembahan membuka bentuk persepsi baharu.

Kumpulan responden As We Go along yang di mana perhubungan ini dilakukan secara kolaboratif. Liu Yong Sean (Julai 7, 2021) memberitahu proses ini dilakukan bersama-sama dan peranan masing-masing agak kabur. Beliau menambah bahawa, perhubungan antara tari dan projeksi yang dihasilkan tidaklah berbentuk fizikal tetapi lebih kepada adaptasi dalam persekitaran yang mempengaruhi komposisi tari yang dihasilkan. Perhubungan sinergi yang dihasilkan haruslah dapat dilihat sebagai satu gambar dan memberi gambaran tentang apa yang cuba disampaikan. Karya As We Go Along tidak mempunyai perhubungan sinergi yang banyak, hanya melibatkan hubungan sinergi ketiga. Ini kerana hubungan sinergi pertama dan kedua adalah bersifat fizikal.

Eksplorasi dalam proses kreatif koreografi diuraikan dengan pecahan gambaran awal dan kembangan komposisi. Kedua-dua pecahan ini dilakukan dengan pengaplikasian Proses Kreatif Butterworth di peringkat kedua dan keempat. Gambaran awal dalam kajian ini merujuk kepada gambaran awal visual seperti papan cerita dan papan *mood* yang digunakan oleh koreografer Antara Realiti II dan artis multimedia As We Go Along dan gambaran verbal melibatkan koreografer dari karya Chain Reaction dan As We Go Along. Eksplorasi

memperkembangkan komposisi melalui kajian ini merujuk kepada dua iaitu (1) imej projeksi iaitu video dan efek serta (2) alatan. Video, efek serta alatan telah diguna pakai oleh koreografer dalam penghasilan gerakan dalam komposisi tari semasa latihan dijalankan.

### Sinergi Imej Komposisi Tari Dan Projeksi Visual

Penghasilan imejan tari dan projeksi melibatkan dua disiplin berbeza yang ditemukan dalam satu bentuk persembahan secara bersama. Pertemuan ini bermula dari proses perbincangan ke proses latihan sehingga persembahan dalam keadaan berkolaborasi. Proses kreatif eksplorasi secara bersama yang dijalankan telah menyebabkan berlakunya penyilangan disiplin melibat pertukaran idea dan pemahaman. Proses eksplorasi penting bagi mendapat sebuah hasil yang baik memerlukan tindakan kolaborasi antara koreografer dan artis multimedia untuk menyediakan kepakaran disiplin masing-masing. Pengkarya bertukar-tukar idea dan bereksplorasi dengan interaksi untuk mencapai integrasi penuh dalam persembahan pentas. Dialog antara visual dan tari menjana ruang komunikasi yang mencabar had koreografi dan mewujudkan ruang untuk eksperimen dengan kemungkinan prestasi baharu. Koreografer perlu sedar dengan setiap elemen dalam penglibatan seperti projeksi visual dan alatan bagi menghasilkan komposisi gerakan secara menyeluruh dalam koreografi. Proses eksplorasi dalam studio amat penting bagi menghasilkan pelbagai variasi eksplorasi yang bersesuaian. Variasi ini juga perlu disusun semula dalam penetapan dalam koreografi dan akan ada variasi komposisi yang tidak dipakai malahan ada juga yang akan diulang.

Aplikasi imej projeksi yang dipancarkan di atas pentas, membolehkan koreografer mencipta persekitaran visual yang baik sejajar dengan tema dan konsep yang ditetapkan. Koreografi tari dan projeksi visual sebagai sebuah imejan yang membentuk perhubungan utama berkonsepkan aksi dan reaksi di antara imej tari yang merangkumi komposisi tari dan imej projeksi. Aksi reaksi ini dapat diklasifikasikan sebagai satu hubungan sinergi kerana ia wujud secara bersepadu dalam ruang dan masa yang sama dan memberi impak kepada penonton yang melihat.

**Rajah 1.6**  
*Interaksi Sinergi*




Interaksi yang terkandung penglibatan tari dan visual mempertimbangkan peranan koreografer atau artis multimedia dalam menghadirkan sinergi. Interaksi sinergi boleh

digunakan secara kreatif bermanfaat untuk reka bentuk koreografi dan teknologi secara bersepadu. Bentuk interaksi yang dilakukan adalah berdasarkan konsep aksi dan reaksi yang di mana komposisi tari sebagai aksi serta projeksi sebagai reaksi dan sebaliknya. Sinergi adalah penting untuk memahami cara komposisi tari dan projeksi visual berfungsi bersama untuk mencipta keseluruhan koreografi. Faktor penghubung antara tari dan projeksi dijana oleh rangsangan visual yang mewujudkan persekitaran atau adegan, ilusi atau lapisan imej pada tubuh badan penari atau pelaku sebagai satu bentuk satu imejan secara menyeluruh. Ini dapat membangunkan hubungan dan interaksi yang memperkembangkan konsep dan idea sambil membenarkan pergerakan koreografi kekal abstrak. Faktor ini membolehkan individu yang melihat hasil koreografi secara keseluruhan secara bersepadu.

**Rajah 1.7**

*Faktor Penghubung Tari dan Projeksi*



Koreografi menggabungkan teknik seperti improvisasi untuk meneroka hubungan antara komposisi tari dan imej multimedia. Penggunaan teknik ini penting untuk menggambarkan hubungan kritis antara media bersama pelaku pergerakan. Koreografi tari yang melibatkan hubungan kritis antara komposisi dan projeksi visual memberi makna dan kesan akan dan tidak dapat berdiri sendiri jika tiada satu diantara. Kedua-dua memberi makna dan jika tiada satunya komposisi atau projeksi visual tiada makna. Imej sinergi yang berjaya bergantung bukan sahaja pada integrasi aspek teknikal (imej projeksi) dan fizikal (pergerakan) itu sendiri tetapi pada segi komunikatif yang lebih luas apabila disatukan untuk mencapai tujuan kreatif bersama.

### Kesimpulan

Integrasi teknologi dalam koreografi telah memberi impak yang besar kepada ekspresi seni dan evolusi koreografi kontemporari di Malaysia. Projeksi visual meningkatkan penglibatan penonton, membolehkan individu memahami koreografi pada pelbagai peringkat. Projeksi visual juga melengkapkan elemen gerakan, menerangkan tema, dan memberi makna kepada persembahan. Landskap teknologi yang berkembang menjanjikan sinergi yang tidak diduga antara tari dan projeksi visual, mencipta peluang eksplorasi baru yang menarik. Interaksi langsung dengan multimedia membenarkan koreografi berpotensi berpadu dengan bidang

rekaan, memberikan peluang inovatif untuk pembangunan koreografi. Kolaborasi antara koreografer dan artis multimedia telah menghasilkan mod kreatif baru, mencabar peranan tradisional serta mengubah dinamik antara koreografer, pelaku, kolaborator, dan penonton. Gabungan elemen multimedia dengan tarian telah membuka bidang kreativiti dan inovasi baru dalam koreografi. Proses kolaborasi antara koreografer dan artis multimedia menghasilkan persembahan unik yang mempamerkan kekuatan dan bakat kedua-dua pihak. Improvisasi spontan dalam tarian menambah elemen yang tidak dapat diramal dalam persembahan, mendorong sinergi dinamik semasa latihan dan mungkin mendorong batasan dalam koreografi tari.

### Rujukan

- Humphrey, D. (1959). *The Art of Making Dances* (2<sup>nd</sup> ed.). Rinehart.
- Gonzales, J. (2019). *Koreografi Kontemporari Malaysia*. Strategic Information and Research Development Centre.
- Cook, J. (2006). *Transformed Landscapes: The Choreographic Displacement of Location and Locomotion in Film*, In S. Broadhurst dan J. Machon (Eds.), *Performance and Technology* (pp. 31-42). Palgrave Macmillan, London.
- Coniglio, M. (2006). *Materials vs Content in Digitally Mediated Performance*, In S. Broadhurst dan J. Machon (Eds.), *Performance and Technology* (pp. 78-84). Palgrave Macmillan, London.
- Discovering Arts (n.d.) *New Media Arts Practice and Technology*. <https://discoveringart.eu/en/terms-adults/48/new-media-art-practice-and-technology/>
- Dixon, S. (2007). *Digital Performance: A History of New Media in Theater, Dance, Performance Art, and Installation*. MIT Press.
- Gonzales, J. (2004). *Choreography: A Malaysian Perspective*. Pustaka Cipta.
- Scheffel, T., dan Arnold, K. (2017). *The Integration of Dance and Video: Approaches to Choreography and Performance*. International Journal of Arts and Technology.
- Butterworth, J. (2012). *Dance Studies: The Basics*: Taylor dan Francis.
- Butterworth, J., dan Wildschut, L. (2018). *Contemporary choreography: A critical reader*. Routledge
- Timbrell, H. M. (2011). *The synergy of visual projections and contemporary dance*.
- Minton, S. C. (2018). *Choreography: A Basic Approach Using Improvisation* (4th Ed). Human Kinetics Publishers.

### Temubual

- Sufi Asyraf. Koreografer Antara Realiti II. Temubual. Jun 1, 2021. Nara, Jepun.
- Fauzi Amirudin. Koreogrfer Antara Realiti II. Temubual. Jun 2, 2021. Kuala Lumpur.
- Ng Xinying. Koreografer Chain Reaction. Temubual. Jun 24, 2021. Kuala Lumpur.
- Liu Yong Sean. Koreografer As We Go Along. Temubual. Julai 7, 2021. Pulau Pinang.
- Jazmi Jamal. Artis Multimedia Antara Realiti II. Temubual. Jun 25, 2021. Kuala Lumpur.
- Artitaya Tang-ngern. Artis Multimedia Chain Reaction. Temubual. Disember 5, 2021. Thailand
- Ejin Sha. Artis Multimedia As We Go Along. Temubual. Julai 11, 2021. Kuala Lumpur.